

THE SPIRITUAL ASSEMBLY OF THE BAHÁ'ÍS OF MALAYSIA
Incorporated under the Companies Act 1965, No. 18247-U

**"Membentuk Semula Pendidikan > Transformasi Komuniti"
TINJAUAN TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA
KENYATAAN AKHBAR OLEH KOMUNITI BAHÁ'Í MALAYSIA**

"Komuniti dan institusi harus menjana akan wawasan sejenis masyarakat yang di dalamnya mereka ingin hidup dan kemudian mengambil kira jenis individu yang akan membawa hal tersebut ." Inilah perkara yang dikongsi oleh Komuniti Bahá'í Malaysia dalam Kenyataan khas yang ditujukan kepada Panel Kaji Semula Pendidikan sempena dengan Kajian Semula Pendidikan yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini. Agama Bahá'í berpegang teguh kepada prinsip bahawa pendidikan - pendidikan sejati - mempunyai peranan tersendiri dalam hal mengeluarkan potensi terpendam yang wujud dalam individu yang kemudian boleh menyumbang ke arah kebaikan dan kemakmuran negara secara langsung.

Pada bulan April 2012, Komuniti Bahá'í Malaysia dengan cepat menyahut seruan Lembaga Kaji Semula Pendidikan lalu mengadakan beberapa rundingan kumpulan berfokus dengan guru, ahli akademik, belia, pekerja sosial dan ibu bapa Bahá'í untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan mereka untuk kajian semula. Wakil Bahá'í kemudian mengambil bahagian secara aktif dalam dialog di seluruh negara yang dianjurkan oleh Lembaga Kaji Semula. Cadangan daripada pelbagai kumpulan berfokus komuniti Bahá'í berserta dengan Kenyataan telah dihantar kepada Lembaga Kaji Semula Pendidikan pada bulan Julai 2012.

Dalam Kenyataan tersebut, Komuniti Bahá'í berkongsi pandangan bahawa secara amnya pendidikan dianggap sebagai ciri penting bagi strategi pembangunan, dan oleh itu terdapat keperluan besar bagi kerajaan untuk mengkaji semula sistem pendidikan dalam pengertian perubahan besar yang dihadapi negara hari ini. Ia menyatakan bahawa walaupun pencapaiannya ketara, terutamanya dalam hal menyediakan pendidikan pada asas sejagat, namun metodologi pendidikan gagal untuk mengeluarkan dan memupuk potensi manusia. Dicadangkannya, pendidikan perlu berusaha untuk membangunkan satu set keupayaan teknikal, seni, sosial, moral dan rohani yang bersepadu supaya individu dapat menjalani hidup dengan bermakna lalu menjadi agen perubahan sosial yang positif. Seterusnya, ia juga menyatakan bahawa terdapat penekanan berlebihan terhadap kecemerlangan akademik untuk memenuhi keperluan ekonomi. Hasilnya, persaingan dan bukannya kerjasama berdominasi, pemupukan dalam kalangan kanak-kanak dari usia muda untuk mementingkan diri dan untuk mendapatkan kepuasan diri sendiri daripada menjadi seorang pemurah dan berbudi mulia. Ia memperjelas bahawa untuk mencapai kemakmuran sebenar di negara kita, penting bahawa sistem pendidikan kita menjurus kepada hal membantu golongan muda mengakui persamaan kita, kepentingan bersama kita dan takdir kita bersama dan bukannya hal yang membahagi-bahagikan kita.

Pendidikan sejati, ditegaskannya, menghasilkan keupayaan, membangunkan kebolehan analitikal, keyakinan, keinginan, dan kecekapan menetapkan matlamat, dan menanamkan wawasan yang akan membolehkan individu untuk menjadi agen perubahan bermotivasi diri, berkhidmat demi kepentingan masyarakat dan dunia pada umumnya; mahir dalam seni

membuat keputusan melalui perundingan dan diberi kuasa melalui kesedaran maruah dan harga diri mereka sendiri; dapat memahami kedudukan mereka sebagai ahli kedua-dua komuniti tempatan dan komuniti dunia, dan percaya bahawa hidup mereka akan menunjukkan perbezaan tersebut. Justeru, individu dan transformasi sosial yang bermakna daripada pendekatan pendidikan semasa tidak boleh datang daripada preskripsi politik atau resipi teknikal sahaja.

Kenyataan merumuskan bahawa pelaburan pendidikan mewakili tidak kurang daripada pelaburan dalam hal keselamatan, kestabilan dan kemakmuran negara kita. Pendekatan dan kaedah pendidikan, yang dipandu oleh keperluan dan aspirasi masyarakat masing-masing, disokong oleh keluarga dan institusi sosial dan diilhamkan oleh kesedaran potensi terpendam tak ternilai dalam setiap kanak-kanak bukan sahaja akan menyedarkan keupayaan intelektual setiap individu malah juga peranan mereka sebagai protagonis terhadap perubahan dalam komuniti mereka dan di dunia.

Komuniti Bahá'í Malaysia mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha amat terpuji ini. Kajian semula pendidikan telah membawa bersama ibu bapa, pelajar, pendidik dan penggubal dasar ke meja perundingan untuk membincangkan pertimbangan pembangunan yang penting, iaitu Pendidikan.